

Keamanan Sejagat: ANTARA KHAYALAN DAN KENYATAAN

Oleh: Azrina Sobian

Kini, semua orang bercakap tentang keamanan sejagat. Namun tidak semua orang memahami makna sebenar keamanan sejagat, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal dalam sebuah negara yang sememangnya aman. Walau bagaimanapun, ketidakamanan itu sebenarnya boleh berjangkit. Keamanan yang dikecapi pada masa ini tidak memberi jaminan bahawa hidup kita akan kekal aman. Keamanan mesti dicari, dipertahankan dan disuburkan, jika tidak sekelip mata ia akan meninggalkan manusia

dan membawa penderitaan.

Apabila keamanan tercapai, apakah yang selalu dirasakan oleh manusia? Rasa gembira, tenang, suka, ingin berusaha dan bebas, itulah antara perasaan yang akan hadir dalam jiwa yang aman. Oleh itu, berkahwin dan berkeluarga serta melihat anak-anak membesar, itulah keamanan bagi sepasang lelaki dan wanita yang bergelar ibu dan bapa. Anak-anak murid berjaya dalam pelajaran sehingga mampu menjalani kehidupan yang

bermaruah, maka inilah keamanan bagi warga pendidik. Manakala, melihat keindahan gunung sambil berbaring di atas padang rumput yang menghijau, rama-rama berterbangan, burung berkicau riang, maka inilah keamanan bagi yang mengagumi keindahan alam.

Jika ditanya makna keamanan bagi setiap orang, jawapannya pasti berbeza. Namun secara amnya, keamanan bermaksud 'ketiadaan keganasan' (*absent of violence*). Keganasan ini



pula merujuk kepada peperangan. Maka dengan tiadanya peperangan maka dunia akan aman. Ini merupakan satu kesimpulan yang terlalu umum. Peperangan bukan satu-satunya petunjuk yang mempengaruhi keamanan hidup seseorang. Terdapat banyak petunjuk lain yang juga boleh mengganggu keamanan hidup manusia misalnya penindasan, penderaan, ketidakadilan, bencana, penyakit dan sebagainya.

Walaupun keamanan itu sangat penting dan setiap orang berhak memilikinya namun tidak semua orang boleh mendapatkannya. Lebih-lebih lagi apabila kita bercakap tentang keamanan sejagat, iaitu keamanan untuk setiap makhluk di planet bumi ini. Keamanan sejagat sebenarnya sangat sukar dicapai. Kenapa? Ini kerana usaha tersebut melibatkan manusia. Manusia pula dijadikan Allah s.w.t. dengan pelbagai citarasa. Tidak semua manusia ini boleh mencapai citarasa yang satu. Oleh itu, walaupun setiap individu manusia bersetuju bahawa keamanan itu perlu namun selalunya mereka jugalah yang merumitkan usaha mencapai keamanan sebenar.

Sebelum ini telah diperkatakan kepelbagaian yang menjadi punca gagalannya mencapai keamanan. Kepelbagaian selalunya menimbulkan konflik yang mengganggu keamanan. Perselisihan akibat kepelbagaian ini sebenarnya telah dijanjikan oleh Allah s.w.t. dan disebut dalam ayat 118, Surah Hud. Hakikatnya, kepelbagaian merupakan sesuatu yang dialami dalam hidup manusia. Ali suka akan nasi lemak, Suresh suka akan capati tetapi Ah Seng suka akan dim sum dan John pula suka akan roti. Oleh itu, dalam menelusuri kehidupan ini, kepelbagaian adalah satu yang pasti. Persoalannya, mungkinkah keamanan boleh dicapai dengan adanya kepelbagaian itu?

Kepelbagaian ciptaan Allah s.w.t. ini sebenarnya mempunyai hikmah di sebaliknya. Kepelbagaian dianugerahkan kepada manusia untuk mencapai matlamat yang satu, iaitu berbaik-baik bukannya bertelagah. Merujuk kepada ayat 13, Surah al-Hujuraat manusia dengan kepelbagaian bangsa dan kaum dituntut untuk saling "...berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)...". Oleh itu, tidak timbul persoalan sama ada keamanan boleh tercapai atau tidak dalam dunia penuh variasi ini. Tuntutan untuk berbaik-baik walaupun wujud perbezaan agama, bahasa dan paras rupa adalah

sangat jelas.

Namun, apakah yang berlaku kini? Kepelbagaian dijadikan alasan untuk bersengketa lalu menggugat keamanan. Satu bangsa merasakan bahawa mereka lebih berhak untuk aman dan satu bangsa yang lain pula dinafikan hak mereka. Jadi, di manakah benarnya bahawa keamanan adalah milik setiap individu? Tidak mungkinkah wujud kedamaian dalam kepelbagaian ini? Tidak bolehkah manusia berdamai walaupun kulit mereka berbeza warnanya? Persoalan-persoalan ini begitu sukar dijawab kerana keamanan yang dilaung-laung itu ibarat satu pembohongan. Inilah yang dikatakan bahawa keamanan sebagai satu khayalan yang dicipta manusia demi menjaga kepentingan diri masing-masing. Walaupun, semua bersetuju bahawa keamanan milik setiap insan namun bagi sesetengah orang, mencapainya ibarat melepaskan batuk di tangga lalu memberikan harapan yang kosong pula bagi sesetengah insan yang lain.

Oleh itu, manusia merupakan kunci utama dalam usaha mencapai keamanan. Manusalah yang akan memastikan keamanan itu satu kenyataan atau khayalan. Hakikatnya, walaupun wujud kepelbagaian dalam kehidupan manusia namun mereka masih boleh berdamai dan mencipta keamanan. Keamanan dalam kepelbagaian sebegini lebih manis rasanya. Ini kerana jika semuanya sama atau serupa maka hidup akan menjadi bosan.

Oleh itu, keamanan sejagat sememangnya boleh dicapai. Jadi, capailah ia. Jangan hanya tahu bercakap tetapi mulalah bertindak. Selagi manusia yang bercakap itu hanya pandai bercakap, selagi itulah keamanan sejagat tinggal khayalan semata-mata. Mulalah bertindak untuk menjadikan keamanan sejagat satu kenyataan. Tanamkan jiwa dengan rasa kasih dan cinta sesama manusia kerana ini merupakan asas yang kukuh untuk mencapai keamanan. Pejuang keamanan, Mahatma Ghandi pernah berkata bahawa "*... If we are to reach peace in the world we shall have to begin with children.*" Oleh itu, anak-anak perlu dididik tentang keamanan, perdamaian dan kasih sayang antara manusia. Hal ini penting kerana mereka inilah yang bakal menentukan khayalan kita untuk melihat keamanan sejagat akhirnya menjadi kenyataan pada suatu ketika nanti. 🌍